

30/09/1998

Perhimpunan Pemuda BN dikawal rapi

Ahmad Naim Tahir

SIMPANG RENGGAM, Selasa - Perhimpunan Perdana Pemuda Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional pada 10 Oktober depan, akan dikawal serapi-rapinya bagi mengelak kemungkinan menjadi sasaran sabotaj pihak tertentu.

Selain khidmat pihak berkuasa, langkah berjaga-jaga diambil Pergerakan Pemuda Umno dengan menempatkan ahli Briged Putra yang ditubuhkannya, bagi memantau perjalanan majlis dijangka dihadiri 100,000 ahli pemuda parti komponen BN itu.

Perhimpunan berkenaan, dijadual turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dianjurkan bagi mempamerkan tekad dan semangat Pemuda BN menentang segala usaha menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokratik.

Mengulas kemungkinan perhimpunan disabotaj berikutan kemelut politik negara sekarang, Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Abdul Fatah Iskandar yakin aspek keselamatan pada majlis itu tidak akan terjejas.

"Kita sudah bermesyuarat mengenai perkara ini dan oleh kerana perhimpunan mendapat permit polis, pihak berkuasa itu akan memberikan kawalan keselamatan sepanjang majlis berlangsung.

"Saya yakin polis dapat melaksanakan tugas ini, tetapi khidmat ahli Briged Putra, diterajui Exco Pemuda, Abdul Kadir Daud akan turut digunakan," katanya, selepas majlis penerangan isu semasa di Dewan Orang Ramai, di sini petang semalam.

Majlis hampir empat jam itu dianjurkan Pemuda Umno bahagian Sungai Benut bagi menerangkan isu berhubung pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim serta kedudukan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Selain Abdul Fatah, turut memberikan penerangan ialah Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mohd Ali Rustam.

Abdul Fatah berkata, antara langkah keselamatan diambil termasuk menjalankan pemeriksaan bagi memastikan tiada barang berbahaya dibawa masuk oleh tetamu ke perhimpunan berkenaan.

Mengenai majlis penerangan berkenaan, beliau berkata, barisan Exco Pemuda Umno ditugaskan memberi penjelasan di setiap negeri dan ia perlu diselesaikan selewat-lewatnya Sabtu ini.

"Laporan berhubung maklum balas ahli akan dikemukakan kepada MT yang akan bermesyuarat pada hari itu. Dalam sesi penerangan setakat ini, kita lihat ahli parti boleh menerima penjelasan yang diberikan," katanya.

Abdul Fatah berkata, kekecohan yang berlaku kononnya atas nama reformasi adalah kerana perbuatan segelintir penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu, yang turut disertai pihak luar, termasuk pelajar.

(END)